

MAS BELUKAR
Scarlet Minivet

FAMILI: Campephagidae
NAMA SAINTIFIK: *Pericrocotus flammeus*

CIRI-CIRI: Spesies ini biasanya ditemui secara berkumpulan dan mencari makan dalam kumpulan yang terdiri daripada pelbagai spesies. Individu jantan dewasa bagi sub-spesies *P.f.semiruber* mempunyai saiz yang agak besar, paruh yang lebih besar dan ekor yang lebih pendek berbanding Long-tailed Minivet, *Pericrocotus ethologus* dan Mas Ekor Pendek, *Pericrocotus brevirostris*, serta mempunyai warna merah yang lebih terang. Pada bulu tertier dan sekunder bahagian sayap, terdapat bahagian yang berwarna merah. Bahagian tepi ekor pula biasanya berwarna merah. Selain daripada itu, terdapat sub-spesies *P.f.elegans* yang boleh ditemui di utara Myanmar dan utara Indochina, *P.f.flammifer* yang terdapat di barat dan selatan Thailand serta timur dan timur laut Semenanjung Malaysia dan *P.f.xanthogaster* yang terdapat di barat dan selatan Semenanjung Malaysia. Individu betina pula berbeza daripada spesies lain melalui saiz, bentuk, warna kuning pada dahi, bahagian belakang kepala dan belakang bahu berwarna kelabu, tekak dan bahagian bawah badan berwarna kuning terang dan warna kuning pada bulu sayap sekunder serta tertier. Individu juvenil pula hampir sama seperti Long-tailed Minivet, *P.ethologus*, dan Mas Ekor Pendek, *P.brevirostris*, tetapi bahagian bawah badannya lebih kuning. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa adalah di antara 17 hingga 21 sm.

MAKANAN: Dietnya terdiri daripada serangga dan buah-buahan.

HABITAT: Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di hutan malar hijau, separa malar hijau, hutan daun luruh dan hutan paya gambut sehingga ketinggian 1,700 m dari aras laut. Di Malaysia, ia boleh ditemui di bawah 915 m dari aras laut.

BUNYI: Spesies ini mengeluarkan bunyi *sweep-sweep-sweep...* dan *weeep-weeep-weeep-wit-wip...* yang kuat dan nyaring.

PEMBIAKAN: Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Jun hingga Julai. Individu betina boleh menghasilkan dua hingga tiga biji telur berwarna hijau pudar atau hijau pudar dengan bintik biru pudar dan coklat gelap.

STATUS: Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.